

## 1025- PELAKSANAAN SOLAT SUNAT DALAM KALANGAN MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM

**SITI ZALEHA IBRAHIM**

Pusat Pengajian Teras,  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
[sitizaleha@kuis.edu.my](mailto:sitizaleha@kuis.edu.my)

**DR. NORAINI MOHAMAD**

Pusat Pengajian Teras,  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
[norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan pelaksanaan dan pengamalan solat sunat dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Islam. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti solat-solat sunat yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Kajian juga mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan mahasiswa tidak menunaikan solat sunat. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual secara Focus Group Discussion (FGD) untuk mengumpulkan data. Data temu bual dianalisis secara analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui dan memahami cara pelaksanaan solat-solat sunat. Mahasiswa juga mengetahui kelebihan solat-solat sunat melalui hadis nabawi. Walau bagaimanapun, didapati hanya seorang daripada peserta kajian yang menjadikan solat sunat sebagai amalan harian. Jelas menunjukkan bahawa tahap pengamalan solat sunat berada pada tahap tidak memuaskan. Justeru, beberapa cadangan turut dikemukakan sebagai inisiatif bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan solat sunat dalam kalangan mahasiswa khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Islam.*

**Kata Kunci:** pelaksanaan, solat sunat, mahasiswa, institusi pengajian tinggi Islam

### PENDAHULUAN

Solat merupakan rukun kedua dari Rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang mukalaf sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “...*Sesungguhnya solat itu adalah fardu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman*”

(al-Nisa:103)

Solat merupakan tiang agama dan ibadah yang mampu mendekatkan hamba kepada tuhanNya. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Maksudnya: “*Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat, sesungguhnya dia sudah menegakkan agama dan barangsiapa yang meninggalkan solat, sesungguhnya dia meruntuhkan agama*”.

Solat sunat pula adalah solat yang apabila dilakukan, akan mendapat pahala dan apabila ditinggalkan tidak berdosa. Ia dikenali juga sebagai solat *nawafil* atau *tathawwu*'. Di antara hikmah menunaikan solat sunat ialah menampung kekurangan solat fardu. Solat sunat terbahagi kepada dua jenis hukum iaitu sunat muakkad dan *ghairu muakkad*. Manakala dari

segi pelaksanaannya, ia terbahagi kepada dua jenis iaitu dilakukan bersendirian dan secara berjemaah. Solat yang sunat dilakukan bersendirian ialah solat sunat rawatib, dhuha, tahajjud, istikharah dan lain-lain. Manakala solat yang sunat dilakukan secara berjemaah seperti solat sunat tarawih, solat sunat istisqo', solat sunat dua hari raya dan sebagainya.

Tidak dinafikan solat sunat mempunyai kelebihan tersendiri berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Maksudnya: Dan bangunlah pada sebahagian daripada waktu malam serta kerjakanlah solat tahajjud padanya sebagai solat tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkitkan dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji."*

(al-Isra': 79)

Diriwayatkan oleh Ummu Habibah RA bahawa terdapat dua belas rakaat solat Rawatib sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

*Maksudnya: "Tidaklah seorang hamba Muslim mengerjakan solat kerana Allah SWT dalam satu hari dua belas rakaat sebagai tathawwu' dan bukan fardu, melainkan Allah SWT akan membangunkan untuknya sebuah rumah di syurga".*

(HR Muslim (728)

Dalam hadis yang lain dijelaskan pula perincian solat-solat yang berjumlah dua belas rakaat seperti yang disebut dalam hadis tersebut. Daripada Ummu Habibah RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*Maksudnya: "Barang siapa yang mengerjakan solat sunat sebanyak dua belas rakaat dalam sehari semalam kelak akan dibangunkan untuknya sebuah rumah di syurga. Dua belas rakaat itu adalah empat rakaat sebelum solat Zohor, dua rakaat setelah solat Zohor, dua rakaat setelah solat Maghrib, dua rakaat setelah solat Isyak dan dua rakaat sebelum solat Subuh.*

(HR Tirmidzi (380) dan Ibn Majah (1196)

Daripada Aisyah RA pula, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

*Maksudnya: "Dua rakaat sunat fajar (yakni sebelum solat fajar/subuh) adalah lebih baik nilainya daripada dunia dan apa saja yang ada di dalamnya ini (yakni dunia dan seisinya)."*

(HR Muslim)

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pelaksanaan solat fardu masih berada pada tahap yang sederhana, maka tidak hairanlah hasil dapatan kajian oleh Mohd Syukri (2014) menunjukkan peratusan pelajar yang menunaikan solat secara berjemaah juga berada pada tahap yang rendah. Kajian yang dilakukan oleh Seri Kartini (2013) ke atas 100 orang pelajar beragama Islam semester kedua pengajian di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar menunjukkan bahawa 42% sahaja yang menunaikan solat fardu lima kali sehari.

Fenomena demikian juga berlaku di kolej-kolej komuniti di seluruh Malaysia. Ia adalah disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan solat fardu. Berdasarkan hasil dapatan kajian ke atas pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Selandar, Melaka mendapati bahawa tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu mereka seharian berada adalah berada pada tahap yang sederhana (Rahmat & Mohd Toriq, 2012).

Kajian oleh Hilmi (2010) ke atas pelajar TATiUC menunjukkan bahawa 64% mahasiswa tidak pernah menunaikan solat sunat. Dapatan ini tidak mengejutkan kerana banyak kajian menunjukkan bahawa terdapat mahasiswa yang masih mengambil ringan tentang kefarduan solat fardu, apatah lagi menunaikan solat sunat. Kajian oleh Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir (2010) mendapati bahawa tahap pemahaman pelajar terhadap solat sunat adalah tinggi, namun pelaksanaan solat sunat adalah pada tahap sederhana.

Dapatan daripada kajian-kajian ini amat membimbangkan kita sebagai seorang Islam. Justeru, kajian tentang penghayatan solat sunat dalam kalangan mahasiswa perlu dijalankan dari semasa ke semasa termasuklah di institusi pengajian tinggi Islam seperti Universiti Islam Selangor agar pelajar tidak terjebak melakukan kemungkaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan metode kajian kualitatif. Kajian ini mengguna pakai pendekatan temu bual secara perbincangan kumpulan berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD). Menurut Nyumba, Wilson, Derrick & Mukherjee (2018), FGD sering digunakan sebagai pendekatan kajian kualitatif bagi memahami secara mendalam dalam isu sosial sains.

Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) melibatkan 10 orang mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS). Temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan solat-solat sunat yang dilakukan oleh mahasiswa dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa tidak menunaikan solat sunat.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui protokol temubual dan disokong oleh data dokumen. Data temu bual telah dianalisis secara bertema dengan kaedah penentuan kategori, tema dan sub tema.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian adalah meliputi kefahaman mahasiswa tentang solat sunat, pengetahuan tentang kelebihan solat sunat, jenis solat sunat yang biasa dilakukan, pengamalan solat sunat dalam kehidupan sehari-harian dan faktor tidak melakukan solat sunat.

### **Kefahaman Tentang Solat Sunat**

Hasil dapatan menunjukkan bahawa semua peserta kajian memahami maksud solat sunat. Mereka juga memahami cara pelaksanaan solat sunat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh

Ramli & Rosmaziah (2010), tahap pemahaman pelajar terhadap solat sunat adalah tinggi, namun pelaksanaan solat sunat adalah pada tahap sederhana.

### **Pengetahuan Tentang Kelebihan Solat Sunat**

Dapatan berkaitan kelebihan solat sunat menunjukkan bahawa semua peserta kajian mengetahui kelebihan tersebut. Sebagai contoh, mereka memahami kelebihan mendirikan solat sunat qabliyah Subuh dan solat sunat Dhuha. Sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Maksudnya: *"Dua rakaat solat fajar (yakni sebelum solat fajar/subuh) adalah lebih baik nilainya daripada dunia dan apa saja yang ada di dalamnya ini (yakni dunia dan seisinya)."*

(HR Muslim)

Amalan sunat diakui mengandungi banyak kelebihannya. Amalan sunat yang dijadikan amalan seharian akan membentuk aura diri yang positif kepada pelajar tahfiz (Sh. Noorhidayah, 2021). Kajian oleh Nadwa & Hasbie (2018) mendapati bahawa pelajar mengerjakan solat sunat Dhuha ini kerana menyedari terdapat banyak kelebihan sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis. Sementara kajian oleh Ramli & Rosmaziah (2010) mendapati bahawa seramai 86.9% responden bersetuju dengan solat Dhuha mampu memberi ketenangan selepas melakukannya. Kajian ini menunjukkan bahawa siapa yang melakukan solat Dhuha pada awal siang hari nescaya Allah akan membersihkan hatinya dan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah.

Anak-anak diajar agar melakukan ibadah sunat adalah dengan menyatakan kelebihannya di samping ibu bapa perlu menunjukkan praktikalnya terlebih dahulu. Sebagaimana kenyataan PK1; *"Solat sunat walaupun ia hanya sunat, tapi ia mempunyai kelebihan yang luar biasa. Contohnya solat sunat qabliyyah subuh, jadi kita dah dapat satu trend, menjadi kebiasaan anak-anak. Kita akan sanggup tunggu selagi mana dia tak siap lagi untuk solat sunat dulu sebelum solat subuh* (Siti Zaleha et al 2023).

### **Jenis solat sunat yang biasa dilakukan**

Secara umumnya, mahasiswa melakukan solat-solat yang bersifat sekala-sekala atau disebabkan situasi tertentu. Sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

"Bulan puasa buat solat tarawih di masjid" (PK4, K1)

"Kalau tak sempat, buat sendiri kat parcel"( PK3, K1)

"Solat raya memang buat tiap-tiap tahun. Tak pernah miss" (PK5, K2)

"Solat sunat hajat biasa buat time-time nak exam" (PK2, K2)

### **Pengamalan solat sunat dalam kehidupan sehari-harian**

Dapatan menunjukkan bahawa mahasiswa melakukan solat-solat sunat dalam kehidupan seharian. Antara solat sunat yang dilakukan ialah solat sunat Tahajjud, sunat Rawatib dan

sunat Dhuha. Walau bagaimanapun, mereka tidak konsisten dalam amalan tersebut. Hanya seorang peserta kajian yang melakukan solat sunat secara konsisten sebagaimana katanya:

“Alhamdulillah, hari ni dapat solat sunat tahajjud, qabliyah Subuh, Dhuha, qabliyah Zohor” (PK4, K2)

Kajian Nadwa & Hasbie (2018) mendapati bahawa kebanyakan pelajar menjadikan solat sunat Dhuha ini sebagai salah satu dari amalan harian mereka. Walau bagaimanapun, secara zahirnya para pelajar tidak mengetahui cara sebenar solat sunat Dhuha yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW.

Kajian oleh Sh Noorhidayah mendapati bahawa amalan solat sunat seperti qiyamulail dan solat sunat Dhuha sudah menjadi kelaziman dalam diri pelajar namun kurang dari sudut penghayatan solat tersebut. Perkara yang sama turut ditemui dalam kajian oleh Siti Khursiah et al (2021) mendapati lebih 70% mahasiswa tidak menunaikan solat sunat. Jelas menunjukkan bahawa mahasiswa memahami solat sunat namun tidak menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

### **Faktor Tidak Melakukan Solat Sunat**

Antara faktor yang mempengaruhi mahasiswa tidak menunaikan solat ialah faktor dalaman seperti bangun lewat dan sifat malas, waktu kuliah yang padat dan rakan sebaya tidak menunaikan solat sunat. Bagi faktor dalaman, pengurusan masa yang kurang baik dalam kalangan mahasiswa menyebabkan mereka tidak sempat solat sunat tahajjud seperti mana kata-kata PK1, K1:

“Tak buat solat tahajjud sebab bangun lambat” (PK1, K1)

Tidak hairanlah apabila terdapat mahasiswa yang tidak menunaikan solat sunat tahajjud kerana ada dalam kalangan mereka tidak sempat pun menunaikan solat Subuh kerana sikap dan kecuaiannya sendiri seperti kesukaran untuk bangun pada awal pagi. Pada kebiasaannya, mahasiswa belum lagi disibukkan dengan urusan seperti menghadiri kuliah dan sebagainya pada waktu pagi (Siti Khursiah et al. 2021). Kajian oleh Hilmi (2010) juga menunjukkan bahawa mahasiswa masih gagal untuk memenuhi tuntutan solat fardu 5 waktu sehari semalam secara konsisten apalagi menunaikan solat sunat tahajjud pada waktu malam yang pasti lebih mencabar dan membebankan kerana terpaksa mengorbankan waktu tidur mereka.

Faktor dalaman seterusnya ialah sikap malas seperti mana kata-kata PK5, K1

“Tak solat sunat ni pun antara sebabnya malas ustazah” (PK5, K1)

Perkara ini disokong oleh hasil kajian dapatan daripada temu bual yang diperolehi bahawa antara faktor murid tidak melaksanakan perintah solat adalah kerana sikap malas (Ahmad Noor et al. 2013). Dek kerana malas, solat fardu yang wajib itu boleh ditinggalkan, apatah lagi solat yang bersifat sunat ini.

Selain faktor tersebut, rakan sebaya juga dilihat sebagai faktor pendorong untuk tidak solat sunat. PK2 K1 ada menyatakan bahawa kawan-kawan tidak melakukan solat sunat. Rakan sebaya merupakan faktor yang paling berkesan sama ada untuk menyumbang ke arah kebaikan ataupun keburukan (Aniesma Niza, 2007).

Begitu juga untuk solat berjemaah. Hasil kajian mendapati seramai 60% tidak menunaikan solat berjemaah kerana pengaruh rakan sebaya. Persekitaran sosial boleh menyebabkan seseorang ke arah kebaikan atau sebaliknya sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Eliade, M dalam Lutpi Ibrahim (1993). Di sini jelas menunjukkan rakan sebaya memainkan peranan yang amat besar dalam mempengaruhi seseorang.

Seterusnya adalah jadual kuliah yang padat menyebabkan seseorang mahasiswa tidak sempat untuk melakukan solat sunat. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian oleh Hilmi (2010), waktu rehat antara jam 1 hingga 2 petang yang diberikan adalah tidak mencukupi. Mahasiswa memerlukan masa yang lebih panjang untuk solat zohor, makan dan rehat.

Begitu juga halnya dengan solat berjemaah. Hasil kajian mendapati 70% pelajar menyatakan bahawa jadual yang padat merupakan penyumbang utama kepada masalah kurangnya pelaksanaan solat secara berjemaah (Siti Zaleha et. al, 2016).

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui dan memahami cara pelaksanaan solat-solat sunat. Mahasiswa juga mengetahui kelebihan solat-solat melalui hadis nabawi. Walau bagaimanapun, didapati hanya seorang daripada peserta kajian yang menjadikan solat sunat sebagai amalan harian. Jelas menunjukkan bahawa tahap pengamalan solat sunat berada pada tahap tidak memuaskan. Justeru, beberapa cadangan dikemukakan sebagai inisiatif bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan solat sunat dalam kalangan mahasiswa khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Islam. Antara cadangan tersebut ialah meningkatkan kesedaran dan penghayatan mahasiswa tentang kepentingan solat sunat. Tenaga pengajar perlu memberi peringatan dan nasihat berterusan kepada mahasiswa untuk melazimi diri dengan amalan-amalan sunat khususnya solat sunat. Pihak berwajib juga berperanan untuk mengadakan kempen dan forum-forum yang mengajak kepada amalan-amalan sunat di samping program pengurusan masa yang berkualiti.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim.

Aniesma Niza Ahmad Tajuddin. (2007). *Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-Faktor Yang Menjadi Penyebab Berlakunya Amalan Berpasangan Di Kalangan Mahasiswa Islam UTM: Satu Tinjauan di KTC, UTM Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Hilmi Ismail. 2010. Pengamalan Solat Fardhu Di Kalangan Mahasiswa Di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu. *Disertasi Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Lutpi Ibrahim. 1993. *Antologi Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Hizbi.

Nadwa Farhana Lubis Ganden Lubis & Mohd Hasbie Al-Shiddieque Hamad. (2018). Perspektif Solat Sunat Dhuha Di Kalangan Pelajar Kuis. *Proceeding Of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*. Selangor: ILIM.

- Noorhidayah Syed Aziz, S., Anwar @ Johari Mastor, K., & Dzulkifli, I. (2021). Pelaksanaan Amalan Sunat dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Sahsiah Pelajar Tahfiz di Selangor: The Performance of Sunnah Practice and Its Relationship with Personality Excellence of Tahfiz Students. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 77–90.
- Nyumba, T.O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N., (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation.
- Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail. 2010. *Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. 2013. *Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Islamiyyat* 35(1.)
- Siti Khurshiah Mohd Mansor, Syuhaida Idha Abd Rahim, Nur Hidayah Zainal. (2021). Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Shah Alam: UiTM Press. pp79-98.
- Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman, Phayilah Yama (2016). Penghayatan dan pelaksanaan Solat Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam. *Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD) 2016*.